

**KERTAS KERJA**

**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI**  
**PERSATUAN MAHASISWA FAKULTI PENDIDIKAN(PENDIDIK)2012/2013**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

Tujuan kertas kerja ini diadakan adalah untuk memohon pertimbangan dan kelulusan program serta bantuan kewangan daripada pihak **Jabatan Perkhidmatan Pelajar (JPPel) dan Pengurusan Fakulti** bagi menjayakan Kursus Pengurusan Organisasi ini.

**2.0 PENGENALAN/LATAR BELAKANG**

Persatuan Mahasiswa Fakulti Pendidikan (PENDIDIK) merupakan salah satu persatuan fakulti yang wujud di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). PENDIDIK telah ditubuhkan adalah bertujuan untuk melahirkan insan mahasiswa/wi pendidik yang cemerlang, kreatif dan berkepimpinan dalam pelbagai aspek yang menjadi hasrat kerajaan dan masyarakat pada hari ini. Bertunjangkan kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang ingin melahirkan insan yang cemerlang dan harmonis dari segi Rohani, Intelek, Emosi, dan Jasmani menjadi pegangan setiap bakal guru, menjadikan persatuan ini lebih terkehadapan dalam menyahut cabaran tersebut.

Ahli jawatankuasa yang dipilih merupakan jurubicara kepada semua pelajar warga fakulti pendidikan bagi menyatakan dan memperdengarkannya hasrat dan masalah kepada pihak atasan. Di samping itu, ahli jawatankuasa yang diberi mandat ini, bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah yang digalas bagi memartabatkan lagi nama fakulti pendidikan yang bertunjangkan kepada FPN tersebut. Bagi merealisasikan hasrat yang digariskan oleh FPN dan fakulti, mahasiswa/wi perlu dilatih dan dipupuk dengan ilmu kepimpinan yang perlu mereka terokai. Hal ini demikian kerana, dalam menjalankan tugas sebagai seorang exco, mereka akan menghadapi pelbagai cabaran dan pengalaman baru untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Oleh itu, program ini dicadangkan adalah untuk memantapkan lagi kepimpinan yang baru ini bagi melaksanakan tanggungjawab yang diberi. Kursus ini diharap dapat memberi pendedahan dan pengalaman yang berguna kepada mahasiswa/wi yang bakal menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin kepada diri sendiri dan juga kepada orang lain.

**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI(KPO)**  
**13-15 September 2013**

Di samping dapat mempertingkatkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran bagi menjadi guru yang berkepimpinan, berkemahiran, kreatif, dan inovatif.

### **3.0 MISI**

Program ini diharap dapat meningkatkan lagi kemahiran atau softskill mahasiswa/wi sebagai pemimpin yang bakal menjadi suara kepada warga fakulti pendidikan di samping dapat memantapkan lagi diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran.

### **4.0 MATLAMAT**

- 4.1 Melahirkan mahasiswa/wi yang dapat mendokong misi dan visi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 4.2 Melahirkan pemimpin yang berilmu dan berkualiti sebagai pemangkin kecemerlangan organisasi, fakulti seterusnya kepada Universiti amnya.
- 4.3 Membentuk mahasiswa/wi yang cemerlang dan bermotivasi selari dengan Falsafah Universiti.
- 4.4 Mendidik mahasiswa/wi yang aktif dan peka dengan keperluan dan matlamat persatuan.
- 4.5 Membentuk mahasiswa/wi pendidik yang sedar akan kepentingan dalam meningkatkan diri dengan pelbagai kemahiran dan pengalaman.

### **5.0 OBJEKTIF**

- 5.1 Mewujudkan hubungan interaksi dan hubungan yang baik dalam kalangan mahasiswa/wi yang terdiri daripada pelbagai bangsa.
- 5.2 Melahirkan mahasiswa/wi yang sedar akan tanggungjawab yang dipikul selaku sebagai pemimpin kepada diri sendiri dan orang lain.
- 5.3 Melahirkan mahasiswa/wa yang mempunyai kepimpinan dalam membentuk diri dan orang lain.
- 5.4 Membentuk pemimpin yang dapat memberi kerjasama dalam kerja berpasukan.
- 5.5 Melatih sifat kepimpinan dan profesional dalam pengurusan.

### **6.0 TEMA**

*“Pendidik Versatil Dedikasi Produktif”*

*“Pendidik Versatil Dedikasi Produktif”*

## **7.0 ANJURAN**

Persatuan Mahasiswa Fakulti Pendidikan (PENDIDIK) Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 2013/2014.

## **8.0 TARIKH DAN MASA**

Program ini dicadangkan untuk diadakan pada:

**Tarikh** : 13 - 15 September 2013  
**Masa** : 7.30 am hingga 5.00 pm  
**Tempat** : Dusun Eco Resort, Perkampungan Latihan dan Rekreasi,  
Bentong, Pahang Darul Makmur.

## **9.0 TEMPAT PROGRAM**

Dusun Eco Resort, Perkampungan Latihan dan Rekreasi, Bentong, Pahang Darul Makmur.

## **10.0 PUBLISITI**

- Banner - poster - Facebook - Hebahan Digital Board

## **11.0 SASARAN PESERTA**

Program ini mensasarkan penglibatan semua ahli jawatankuasa Mahasiswa Fakulti Pendidikan (PENDIDIK) sesi 2013/2014 seramai 25 orang.

## **12.0 STRUKTUR ORGANISASI INDUK**

Rujuk Lampiran A

## **13.0 TENTATIF PROGRAM**

Rujuk Lampiran B

## **14.0 ANGGARAN BELANJAWAN**

Rujuk Lampiran C

## **15.0 CADANGAN PERASMI**

**Perasmian penutup :**

**1. Prof. Dr. Lilia Bt Halim**

Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

*“Pendidik Versatil Dedikasi Produktif”*

## **16.0 PERINCIAN PROGRAM**

### ***16.1.1 LDK 1 – Ice Breaking***

Peserta dikehendaki berada dalam satu bulatan, kemudian dipecahkan kepada beberapa 5 kumpulan, iaitu setiap kumpulan mempunyai 5 orang ahli. Setiap peserta bertaaruf sesama mereka. Kemudian, ahli dalam kumpulan perlu memperkenalkan nama rakan dalam kumpulan di hadapan ahli kumpulan lain. Setiap peserta tidak dibenarkan memperkenalkan diri sendiri di hadapan ahli kumpulan lain. Selain itu, setiap peserta di dalam kumpulan tersebut akan dibekalkan dengan sehelai kertas A4. Mereka dikehendaki menulis misi jangka pendek dan misi jangka panjang sebagai seorang mahasiswa/wi Fakulti Pendidikan. Mereka juga dikehendaki menulis antara alternatif yang akan mereka ambil jika terdapat cabaran yang menyebabkan mereka tidak menjadi seorang guru. Jadi, apakah yang akan mereka lakukan agar tidak menganggur? Seterusnya, mereka perlu bantangkan nukilan mereka di hadapan peserta yang lain secara individu.

### ***16.1.2 Team Building 1 : (Outdoor) Berakit, River Crossing.***

Dalam aktiviti ini, peserta dikehendaki berada dalam kumpulan masing-masing. Setiap kumpulan bertanggungjawab untuk membawa setiap ahli kumpulan ke seberang dengan menggunakan rakit. Kemudian, setiap kumpulan perlu membawa setiap ahli kumpulan balik ke tebing permulaan semula juga dengan menggunakan rakit.

### ***16.1.3 LDK 2 – Aku Seorang Pendidik***

Setiap kumpulan yang terdiri daripada 5 orang ahli kumpulan dibekalkan dengan kertas mahjong dan marker. Setiap kumpulan diberikan satu masalah yang mungkin akan dialami di dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Mereka dikehendaki berfikir antara alternatif untuk menyelesaikan masalah tersebut.

### ***16.1.4 Ceramah 1***

**Tajuk** : **Sediakan Diri untuk Persiapkan Anak Didik**  
**Penceramah** : Ustaz Khairil Khuzairi B Omar (Pegawai Pusat Islam UKM)

### ***16.1.5 Ceramah 2***

**Tajuk** : **Pendidik Versatil Dedikasi Produktif**  
**Penceramah** : Prof. Madya. Dr. Zamri B Mahamod

### ***16.1.6 Ceramah 3***

**Tajuk** : **Andai Bukan Guru**  
**Penceramah** : Dr. Mohd Aderi B Che Noh

***“Pendidik Versatil Dedikasi Produktif”***

**16.1.7 Kembara Alam**

Aktiviti ini mendedahkan kepada pelajar kepada kehidupan fauna dan flora disekeliling mereka. Peserta dapat melihat kejadian dan keunikan alam ini dengan penuh bermakna dan bersyukur. Melalui aktiviti ini, dapat memberi kesedaran kepada peserta akan pentingnya menjaga dan mensyukuri nikmat kejadian alam ini kepada pencipta.

**16.1.8 Riadah/Explorace**

Aktiviti riadah yang dapat mengeratkan lagi ukhwah sesama peserta. Antara aktiviti riadah yang akan dijalankan ialah senamrobik, *taichi* dan sebagainya. Selepas aktiviti riadah, aktiviti explorace akan dilaksanakan selepas itu. Dalam explorace ini pelbagai aktiviti disediakan yang bakal menjana minda dan kecekalan fizikal kepada semua peserta.

**16.1.9 Watikah Perlantikan ahli jawatankuasa Mahasiswa Fakulti Pendidikan**

*(PENDIDIK) sesi 2012/2013*

Aktiviti watikah perlantikan sebagai ahli jawatankuasa ini diberikan kepada semua peserta yang telah dilantik melalui pemilihan Mesyuarat Agung Tahunan Fakulti. Perlantikan ini dilaksanakan adalah bertujuan bagi memberi kesedaran dan pengalaman kepada exco dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin kepada diri sendiri dan kepada semua warga fakulti khususnya. Dengan melaksanakan watikah perlantikan ini, akan dapat memberi semangat kepada semua exco untuk menjalankan tugas dengan penuh komited dan dedikasi.

**16.0 PEJABAT URUSAN**

**Sebarang maklumat lanjut, penerangan, pertanyaan dan urusan serta surat menyurat, sila hubungi :**

**NURUL NADIRA BINTI MOHD NOOR**

Pengarah,  
Kursus Pengurusan Organisasi (KPO),  
Persatuan Mahasiswa Fakulti Pendidikan (PENDIDIK)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 013-5803581, email : adeera\_annur@yahoo.com

**18.0 PENUTUP**

Semoga kertas kerja ini mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak tuan/puan bagi melahirkan mahasiswa/wi kearah pembangunan modal insan dan wargenegara yang baik

*“Pendidik Versatil Dedikasi Produktif”*

**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI(KPO)**  
**13-15 September 2013**

serta berkemahiran. Pihak kami amat mengharapkan sokongan penuh dan kerjasama dari pihak tuan/puan supaya segala perancangan dapat dilaksanakan dengan lancar agar dapat membantu mahasiswa/i fakulti pendidikan untuk memperkemaskan diri dengan pelbagai kemahiran bagi menempuh alam perguruan dan kehidupan bermasyarakat kelak.

Bersama-samalah kita memartabatkan profesion perguruan demi agama, bangsa dan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Semoga usaha kita semua ini mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T. Insyaa-Allah Semoga dengan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak amat dihargai

Sekian, Terima Kasih,

Disediakan oleh,



.....  
**NURUL NADIRA BINTI MOHD NOOR**

Pengarah Program,  
Kursus Pengurusan Organisasi(KPO),  
Persatuan Mahasiswa Fakulti Pendidikan (PENDIDIK),  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Disemak oleh,



.....  
**SYED MOHD NAJIB B SYED YAHYA**

Yang Di Pertua,  
Persatuan Mahasiswa Fakulti Pendidikan (PENDIDIK),  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Disahkan Oleh,



.....  
**DR. MOHD ADERI BIN CHE NOH**

Ketua Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

---

**STRUKTUR ORGANISASI KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI (KPO)**  
**PERSATUAN MAHASISWA FAKULTI PENDIDIKAN**  
**(PENDIDIK) SESI 2013/2014**

**Penaung**

Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin  
Naib Canselor, UKM

**Pengerusi**

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Othman A. Karim  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni), UKM

**Penyelaras**

En. Musa Zainal Abidin Othman  
Timbalan Pendaftar, Jabatan Perkhidmatan Pelajar

**Dekan**

Prof. Dr. Lilia Halim  
Dekan Fakulti Pendidikan

**Penasihat**

Dr. Mohd Aderi Bin Che Noh  
Ketua Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat,  
Fakulti Pendidikan.

**Pengarah**

Nurul Nadira Bt Mohd Noor – P. Khas/2 (A138195)  
0135803581

**Timbalan Pengarah**

Mohd Fizre Bin Zakaria – P. Khas/3 (A133121)  
0148221322

**Setiausaha**

Norfarizah Adira Binti Abd Hadi – P. Tesl/2 (A137711)  
0176417049

**Bendahari**

Norhamizah Binti Ismail – P. Khas/3 (A134432)  
0194420703



**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI(KPO)**  
**13-15 September 2013**

- Unit Program**
1. Prasna a/p Shanmugam – P.Tesl/2 (A137614)
  2. Nik Mohamed Kamil Bin Nik Ghazali – P.Sukan/1 (A142185)
  3. Syed Mohd Najib Bin Syed Yahya – P.Sukan/2 (A138322)
- Unit Pendaftaran**
1. Muhamad Sulhelmi Bin Seman – P. Khas/1 (A140372)
  2. Ting Kee Wee – P. Sukan/1 (A1422118)
- Unit Teknikal**
1. Nor Muhammad Fadzil Bin Othman – P.Sukan/2 (A138208)
  2. Muhammad Fahmi Bin Mohd Masrom – P. Tesl/2 (A137696)
  3. Mohamad Nazri Bin Muslim – P. Sukan/1 (A141715)
- Unit Pengangkutan**
1. Muhammad Rushdan Bin Zainudin – P.Sukan/2 (A138422)
  2. Mohd Nor Amlu Bin Mohd Rapi – P. Sukan/1 (A142221)
- Unit Publisiti**
1. Ummu Sulaim Bt Mohammad – P. Khas/2 (A138175)
  2. Mohamed Erwan Bin Mohd Tuhaimi - P. Sukan/1 (A141365)
- Unit Protokol**
1. Norasyikin Binti Ismail – P. Tesl/2 (A137545)
  2. Mohamad Asmadi Bin Abd Rahim @ Mustapha – P. Sukan/1 (A141969)
  3. Fatin Ameerah Binti Md Zahir – P.Tesl/1 (A141168)
- Unit Jamuan**
1. Farah Najwa Bt Abd Rahim – P. Khas/3 (A133359)
  2. Fatin Athirah Binti Naim – P.Tesl/1 (A140871)
  3. Ajeerah Binti Mohd Russlan – P. Tesl/1 (A140995)
- Unit Cenderamata**
1. Nursya Julia Binti Mahmood Zuludin – P. Khas/1 (A139342)
  2. Faten Nazren Binti Manaf – P. Khas/1 (A140254)
  3. Nur Syahmin Alya Binti Masri – P. Tesl/1 (A141301)

**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI(KPO)**  
**13-15 September 2013**

**LAMPIRAN B**  
**TENTATIF KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI 2012/2013**

TARIKH & MASA	PERKARA	TEMPAT
<b><u>13 September 2013</u></b>		
(Jumaat)		
5.00 petang	Semua peserta berkumpul di FPend	Fakulti Pendidikan
5.15 petang	Pendaftaran	
5.30 petang	Bertolak ke destinasi	
8.00 petang	Tiba di lokasi, Kemas barang	
8.15 petang	Taklimat program	Dusun Eco Resort,
8.30 petang	Makan Malam & Kendiri	Perkampungan
8.50 malam	Solat isyak berjemaah/ Pengisian Rohani (tazkirah)	Latihan dan Rekreasi, Bentong
9.45 malam	<b>LDK I</b> “Ice breaking”	
10.00 malam	Bengkel Kendiri : “Alternatifku”	
11.00 malam	Ibadah sunyi	
<b><u>14 September 2013</u></b>		
(Sabtu)		
5.30 pagi	Kendiri	
6.00 pagi	Solat subuh berjemaah	
6.30 pagi	Tazkirah Subuh	
7.45 pagi	Riadhah 1	
8.30 pagi	Sarapan pagi	
9.00 pagi	<b>Team Building 1 :</b> <i>(Outdoor) Berakit, River Crossing.</i>	Dusun Eco Resort, Perkampungan
2.00 petang	Makan tengah hari/ Solat Zohor/ Pengurusan diri	Latihan dan Rekreasi, Bentong
4.00 petang	<b>Ceramah 1</b> <i>“Sediakan Diri untuk Persiapkan Anak Didik”</i>	

**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI(KPO)**  
**13-15 September 2013**

5.30 petang	Minum petang/ Solat Asar berjemaah	
6.00 petang	<b>Kembara Alam/ Explorace</b>	
7.00 petang	Makan malam/ Pengurusan diri	
7.15 malam	Solat maghrib berjemaah/ Pengisian rohani	
8.50 malam	Solat Isyak berjemaah	
9.30 malam	<b>LDK 2 : Aku Seorang Pendidik</b>	
11.30 malam	Minum malam/ Ibadah Sunyi	
<b><u>15 September 2013</u></b>		
(Ahad)		
5.30 pagi	Kendiri	
6.00 pagi	Solat subuh berjemaah	
6.30 pagi	Tazkirah Subuh	
7.45 pagi	Riadhah 2	
8.30 pagi	<b>Ceramah 2</b> <b><i>“Pendidik Versatil Dedikasi Produktif”</i></b>	Dusun Eco Resort, Perkampungan Latihan dan Rekreasi, Bentong
10.30 pagi	Minum pagi/ Sarapan	
10.45 pagi	<b>Ceramah 3</b> <b><i>“Andai Bukan Guru”</i></b>	
12.45 tengah hari	Refleksi Program	
2.00 petang	Solat Zohor berjemaah & Makan <b>Majlis Penutup &amp; Perlantikan exco</b> <b>Disampaikan Oleh :</b> <b>Prof. Dr Lilia Halim</b> <b>Dekan Fakulti Pendidikan</b>	
4.15 petang	Solat Asar berjemaah/berkemas untuk pulang	
5.00 petang	<b>Sayonara</b>	

**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI(KPO)**  
**13-15 September 2013**

**LAMPIRAN C**

**ANGGARAN BELANJAWAN**  
**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI**  
**PERSATUAN MAHASISWA FAKULTI PENDIDIKAN**  
**(PENDIDIK) 2012/2013**

**BELANJAWAN**

**Anggaran pendapatan**

<b>PERKARA</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>1. Fakulti</b>	RM 3000.00	RM3000.00
<b>2. JPPel</b>	RM 1700.00	RM 1700.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM4700.00</b>

**Anggaran Perbelanjaan**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>RM</b>
1.	Publisiti <ul style="list-style-type: none"><li>• Banner (RM50 × 2)</li><li>• Poster (RM1.50 × 10)</li></ul>	RM100 RM15
2.	Aktiviti <ul style="list-style-type: none"><li>• Kembara alam</li><li>• Explorace</li><li>• River crossing</li></ul>	RM300 Rm150 RM550
3.	Penginapan dan Pengangkutan <ul style="list-style-type: none"><li>• Penginapan</li><li>• Pengangkutan</li></ul>	RM2000 RM600
4.	Cenderahati dan Hadiah <ul style="list-style-type: none"><li>• Sijil peserta &amp; Fasilitator (RM2 × 31)</li><li>• Bayaran Penceramah (RM300 × 3)</li><li>• Cenderahati (RM15 × 3)</li><li>• Hamper</li></ul>	RM62 RM900 RM45 RM200
5.	Teknikal/ Tugas- tugas Khas <ul style="list-style-type: none"><li>• Kad nama (RM2 × 31)</li></ul>	RM62
6.	Jamuan <ul style="list-style-type: none"><li>• Peserta &amp; Fasilitator (RM31 × 3) (Pagi + Tengah hari + Petang) (4+6+6)</li></ul>	RM1180

**KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI(KPO)**  
**13-15 September 2013**

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jamuan Penceramah / VIP (RM4 × 6)</li></ul>	RM24
7.	Program/ Bahan cetakan <ul style="list-style-type: none"><li>• Fail (RM1 × 31)</li><li>• Kertas Mahjong (RM2 × 20)</li><li>• Marker (RM3 × 10)</li><li>• Fotostat</li></ul>	RM31 RM40 RM30 RM100
8.	Rencam	RM100
	<b>JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN</b>	<b>RM6489</b>

### **ULASAN PROGRAM**

Tujuan utama kursus pengurusan organisasi ini dijalankan adalah untuk melatih para peserta yang telah dilantik menjadi wakil kepada pelajar untuk menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih baik. Kursus ini juga adalah untuk mengasah dan membentuk sifat kepimpinan dalam diri peserta dengan pelbagai pengisian yang akan dilaksanakan seperti ceramah, bengkel dan sebagainya. Pengisian-pengisian ini akan mendedahkan kepada peserta tentang kepentingan melaksanakan tugas yang diberi sama ada secara individu dan lebih-lebih lagi secara berkumpulan dan sebagainya.

Selain itu juga, kursus ini akan dijalankan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan para peserta yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan juga daripada perbezaan jurusan akademik seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Khas, Pendidikan Sukan, Pendidikan Tesl dan Pendidikan Sains. Dengan penglibatan semua peserta dalam setiap aktiviti, akan merapatkan lagi jurang perbezaan pendapat, memperkemaskan lagi interaksi dan sifat toleransi dalam kalangan mereka.

Di samping itu juga, program ini dijalankan adalah untuk membentuk kemahiran atau softskill peserta agar dapat diperkembang dan diperkemaskan untuk di manfaatkan kepada diri sendiri, persatuan seterusnya kepada fakulti dan kepada universirsiti amnya.